

BELIA

dan

MASYARAKAT

AZIZAN BAHARI

KANDUNGAN

	Halaman
<i>KATA PENGANTAR</i>	IV
<i>PENGHARGAAN</i>	V
<i>Pengenalan tentang Rencana</i>	VI
1. Peranan Pergerakan Belia	1
2. Pergerakan Belia dan Pembangunan Masyarakat	14
3. Beberapa Persoalan Kepimpinan Belia	21
4. Pelajar — Suatu Tenaga Penting Dalam Masyarakat	31
5. Ke Arah Profesionalisme Dalam Kerja Belia	38
6. Program-Program Pembangunan Belia: Masalah dan Prospek	52
7. Persefahaman dan Kerjasama Serantau dan Antarabangsa Melalui Kerja Belia	61
<i>CATATAN</i>	71

CATATAN

[1] Takrif belia yang ditetapkan oleh Majlis Belia Malaysia dalam tahun-tahun 1970an ialah mereka yang berumur di lingkungan umur 12-35 tahun. Lingkungan umur ini dipinda kepada 15-40 berikutan dengan tergubalnya Dasar Belia Negara di pertengahan 1980-an. Bangsa-Bangsa Bersatu (melalui Economic and Social Council for Asia and the Pacific ESCAP) kelihatan lebih cenderung terhadap definisi belia berdasarkan lingkungan umur 15-25 tahun. Lihat C.I.Itty (ed.) (1984), *Searching for Asian Paradigms* (Bangkok: Asian Cultural Forum on Development), hal. 45.

[2] UNESCO (1969), *In Partnership with Youth*.

[3] Hampir kesemua pertubuhan belia di negara ini dipimpin/diselaraskan oleh MBM. Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia atau MAYC yang menarik diri daripada MBM pada tahun 1976 itu pun sebenarnya tidak bergabung di peringkat pusat atau ibu pejabatnya sahaja. MAYC di peringkat negeri tetap berada di dalam MBM melalui pergabungan mereka dengan Majlis-Majlis Belia Negeri. Kesemua Majlis Belia Negeri/Majlis Gabungan Belia Negeri menganggotai MBM.

[4] Cogan kata atau moto MBM (selaku pemimpin pergerakan belia negara ini ialah) "Belia Bertindak Untuk Kebenaran dan Keadilan." Lihat *Perlembagaan MBM*.

[5] Sebagai rujukan umum lihat Muhammad Abu Bakar (1973), *Mahasiswa Menggugat* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara) dan Hassan Karim dan Siti Nur Hamid (ed.) (1984), *Bersama Rakyat! Gerakan Mahasiswa, 1967-74* (Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial); dan keluaran-keluaran *Mahasiswa Negara*, akhbar pelajar terbitan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya.

[6] Untuk suatu gambaran ringkas tetapi menyeluruh tentang peranan pelajar-pelajar Asia termasuk Malaysia di lewat 1960-an dan awal 1970-an sila lihat laporan ESCAP (1975), *Study on the Role of Students in Social Progress and Development* (stensilan) (Bangkok: ESCAP).

^[7] Perkara ini merujuk kepada peristiwa-peristiwa bersejarah perjuangan rakyat kita menuntut keadilan. "Telok Gong" dan "Binjai Patah" merupakan peristiwa-peristiwa kaum tani di bawah pimpinan Hamid Tuah di tempat-tempat berkenaan di Selangor dalam lewat 1960-an menuntut tanah untuk dijadikan tempat tinggal dan sumber kehidupan mereka. Petani-petani tersebut dikatakan menduduki "tanah haram" dan terpaksa berhadapan dengan jentera kekerasan kerajaan. Perjuangan dan pahit-getir mereka dan perasaan simpati kalangan intelektual (termasuk pelajar) kita dirakamkan dalam sebuah buku antologi sajak susnan Usman Awang (1988), *Teluk Gong* (Petaling Jaya: INSAN).

"Tasik Utara" ialah peristiwa kaum setinggan di Johor Baharu membantah tindakan pihak berkuasa memaksa mereka meninggalkan kawasan kediaman mereka. Pihak berkuasa juga bertindak merobohkan rumah-rumah setinggan berkenaan. Peristiwa ini berlaku dalam 1974.

"Baling" pula ialah suatu peristiwa perarakan dan demonstrasi besar-besaran kaum tani getah menuntut kenaikan harga getah yang berlaku di suku akhir 1974 di kawasan selatan Kedah dan utara Perak, yakni dari Sik dan Baling hingga ke Selama. Kesemua peristiwa ini memperlihatkan kerjasama dan gandingan erat antara penduduk setempat (golongan dewasa dan belia) dengan para pelajar pusat-pusat pengajian tinggi.

^[8] Hang Nadim ialah watak kanak-kanak pintar di Tumasik (Singapura) dalam cerita Melayu lama. Menurut cerita tersebut ketika Tumasik diserang oleh ikan-ikan todak Raja dan pembesar-pembesar negeri mengerahkan rakyat supaya membentengkan betis mereka. Melihat ramai rakyat menderita akibat tindakan tersebut Hang Nadim mencadangkan supaya batang-batang pisang digunakan sebagai ganti betis. Cadangan Nadim ternyata menyelamatkan rakyat Tumasik daripada serangan todak-todak tersebut. Tetapi, para pembesar itu mulai mencurigai dan iri hati terhadap kepintaran Nadim. Mereka bimbang suatu hari nanti kanak-kanak yang pintar ini berkemungkinan akan mengambil alih jawatan penting yang mereka idam-idamkan. Lalu mereka mencadangkan kepada Raja supaya menghapuskan Nadim kerana kononnya Nadim mungkin akan mencabar kewibawaan Raja

sendiri nanti. Raja yang bodoh menerima cadangan pembesar-pembesar tersebut dan Nadim kemudiannya diikat dengan rantai besi dan dicampakkan ke dalam laut.

[9] Terdapat pelbagai definisi dan huraian tentang tujuan kerja sosial oleh para penulis, seringkaliinya mengikut orientasi ideologi dan perhitungan praktik masing-masing. Sebagai contoh, A.Pincus dan A.Minahan (1973), *Social Work Practice: Model and Method* (Illinois: F.E.Peacock Publishers); dan J.Galper (1980), *Social Work Practice, A Radical Perspective* (N.Jersey: Prentice-Hall).

[10] Banyak buku dan rencana memperkatakan tentang konsep dan implikasi profesionalisme dari pelbagai perspektif. Sekadar beberapa contoh perbandingan sila rujuk Terence J.Johnson (1972), *Professions and Power* (London: Macmillan Press); T.Parsons (1968), "Professions" di dalam *The International Encyclopaedia of the Social Sciences* (New York), hal. 536-46; A.Morales dan Bradford W.Sheator (1977), *Social Work, A Profession of Many Faces* (Boston: Allyn and Brown), hal. 33-49 (khusus tentang kerja sosial); H.Vollmer dan D.Mills (ed). (1966), *Professionalization* (N.Jersey: Prentice-Hall); dan Mohd. Shahar Sidek (1990), "Profesionalisme dan Akauntabiliti: Beberapa Definisi dan Isu-Isu Organisasi", *Buletin Intan*, Jilid 14, Bil. 1, hal.4-8.

[11] Sekadar memberi gambaran kasar, kursus-kursus yang dimaksudkan termasuklah Intervensi Sosial dengan Individu, Keluarga dan Kumpulan; Teori dan Amalan Kerja Komuniti; Psikologi Untuk Pekerja Sosial; Makmal Kerja Sosial (mempelajari tentang teknik-teknik dan kemahiran kerja sosial); Pengurusan Organisasi Khidmat Manusia; dan Undang-Undang Untuk Pekerja Sosial.

[12] Sudah menjadi rahsia umum bahawa jumlah rasmi dan tidak rasmi keanggotaan pertubuhan-pertubuhan belia juga sering dipertikaikan.

[13] Contoh terbaik dalam hal ini ialah siri Regional Youth Work Conference for Asia and the Pacific yang dianjurkan dengan kerjasama ESCAP. MBM dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pernah terlibat secara aktif dalam persidangan-persidangan tahun 1977 dan

1980. Kita malah telah mengelolakan 4th Regional Youth Work Conference for Asia and the Pacific pada tahun 1980 tersebut di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

[14] Seperti namanya, GIM yang mula-mulanya beribu pejabat di Geneva merupakan sebuah badan informal yang ditubuhkan oleh kira-kira 30 buah badan belia, termasuk AYC sendiri, sebagai suatu wadah untuk para belia seluruh dunia membincangkan isu-isu kepentingan bersama biasanya bersempena dengan persidangan-persidangan antarabangsa anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu. Rumusan-rumusan perbincangan pihak belia akan disalurkan oleh GIM kepada Bangsa-Bangsa Bersatu atau agensi-agensinya yang berkaitan untuk pertimbangan dan perdebatan selanjutnya.